

SOALAN – SOALAN LAZIM AKAUN SIMPANAN-i TABUNG QURBAN DAN PROGRAM IBADAH QURBAN 2023

1. Apakah itu Akaun Simpanan-i Tabung Qurban?

Akaun Simpanan-i Tabung Qurban membolehkan pelanggan membuat tabungan secara khusus untuk Ibadah Qurban melalui kaedah tabungan yang mudah.

2. Apakah objektif Akaun Simpanan-i Tabung Qurban diperkenalkan?

- a) Untuk menawarkan simpanan bagi tujuan Ibadah Qurban dengan cara yang lebih sistematik.
- b) Menyediakan perkhidmatan Ibadah Qurban yang lebih terjamin bagi memenuhi permintaan pelanggan.
- c) Menawarkan ciri-ciri akaun simpanan yang menarik di pasaran.

3. Ciri-ciri Akaun Simpanan-i Tabung Qurban

- Minimum deposit bagi pembukaan akaun ialah RM20
- Kemudahan Kad Debit (Combo Card) untuk pengeluaran wang di ATM Bank Rakyat atau mana-mana ATM berlogo MEPS / BANKCARD di seluruh negara
- Kemudahan perbankan internet i-Rakyat
- Simpanan tanpa buku

4. Apakah Konsep Syariah yang digunakan?

- a) Akaun Simpanan-i Tabung Qurban didasari dengan konsep Qard yang merujuk kepada kontrak pinjaman wang daripada pelanggan (pemberi pinjaman) kepada Bank (peminjam) di mana Bank hendaklah berupaya untuk membayar balik jumlah pinjaman tersebut apabila dituntut oleh pelanggan.
- b) Di dalam konteks ini juga, pelanggan mewakili Bank untuk membantu dalam melaksanakan ibadah Qurban bagi pihak pelanggan berasaskan prinsip Wakalah bil Ujah.

Nota: Pelanggan juga bersetuju sekiranya Bank Rakyat ingin mewakili pelaksanaan Ibadah Qurban kepada pihak ketiga, dan sebarang lebihan (jika ada) daripada harga Qurban yang telah dibayar akan diserap oleh Bank Rakyat sebagai kos perkhidmatan.

SOALAN – SOALAN LAZIM AKAUN SIMPANAN-i TABUNG QURBAN DAN PROGRAM IBADAH QURBAN 2023

5. Siapakah yang layak untuk membuka Akaun Simpanan-i Tabung Qurban?

Akaun Simpanan-i Tabung Qurban adalah akaun individu (perseorangan) bagi pelanggan yang beragama Islam dan berumur 18 tahun & ke atas.

6. Dokumen yang diperlukan untuk membuka Akaun Simpanan-i Tabung Qurban.

Kad Pengenalan

7. Bagaimana cara untuk menyertai Ibadah Qurban melalui Akaun Simpanan-i Tabung Qurban?

- Buka Akaun Simpanan-i Tabung Qurban di cawangan Bank Rakyat
- Lakukan deposit secara berkala atau sekaligus
- Pastikan jumlah mencukupi untuk melakukan Ibadah Qurban
- Hadir di cawangan untuk mengisi 'Borang Penyertaan Ibadah Qurban' atau majukan maklum balas pendaftaran Ibadah Qurban pada SMS yang dihantar oleh Bank Rakyat.
- Terima 'Sijil Penyertaan Ibadah Qurban'.

8. Bagaimanakah cara untuk pelanggan yang belum mempunyai Akaun Simpanan-i Tabung Qurban untuk menyertai Ibadah Qurban?

Pelanggan perlu membuka Akaun Simpanan-i Tabung Qurban terlebih dahulu. Terdapat 2 cara pembukaan Akaun Simpanan-i Tabung Qurban:

i) Pembukaan akaun melalui iRakyat

Pelanggan baharu (tiada Akaun Simpanan-i & iRakyat)	Pelanggan sedia ada (mempunyai Akaun Simpanan-i dan iRakyat)
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelanggan perlu melayari www.irakyat.com.my dan klik pada e-Application seterusnya pilih eSavings-i Account Opening bagi pembukaan akaun secara online. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelanggan perlu melayari www.irakyat.com.my dan klik pada e-Application seterusnya pilih eSavings-i Account Opening bagi pembukaan akaun secara online.

SOALAN – SOALAN LAZIM AKAUN SIMPANAN-i TABUNG QURBAN DAN PROGRAM IBADAH QURBAN 2023

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">▪ Pelanggan perlu memilih jenis Akaun (Deposit Type): Akaun Simpanan-i Tabung Qurban, semasa mengisikan borang permohonan online.▪ Setelah borang permohonan pembukaan akaun diisi, pelanggan perlu mencetak 'halaman Acknowledgement' dan membawa myKad ketika mengunjungi cawangan pilihan bagi pengaktifan akaun dalam masa 30 hari dari tarikh permohonan online dilakukan. <p><u>Nota:</u> Untuk 15 kategori pelanggan dibawah, pelanggan perlu membawa dokumen tambahan yang diwajibkan untuk pembukaan akaun seperti yang dinyatakan di dalam GPO SIMPANAN 201 - AKAUN SIMPANAN-i DEWASA</p> <ol style="list-style-type: none">i. Pelajarii. Suri Rumahiii. Keraniiv. Bekerja Sendiriv. Pegawaivi. Tidak bekerjavii. Pelayanviii. Jurujualix. Pembantux. Pemanduxi. Pekerja Amxii. Petanixiii. Pesaraxiv. Pelanggan berumur 50 tahun dan ke atasxv. Tukang Masak | <ul style="list-style-type: none">▪ Pelanggan perlu memilih jenis Akaun (Deposit Type) yang ingin dibuka: Akaun Simpanan-i Tabung Qurban dan pilih Akaun Simpanan-i yang akan digunakan untuk membuat <i>initial deposit</i> (minimum <i>initial deposit</i>: RM20) semasa mengisikan borang permohonan <i>online</i>.▪ Setelah borang permohonan pembukaan akaun diisi, pelanggan kini sudah memiliki Akaun Simpanan-i Tabung Qurban dan boleh mula menyimpan secara bulanan atau sekaligus untuk menyertai Ibadah Qurban. |
|---|--|

ii) Pembukaan akaun di cawangan Bank Rakyat

Pelanggan perlu hadir ke cawangan Bank Rakyat yang berdekatan untuk membuka Akaun Simpanan-i Tabung Qurban dan mula menyimpan secara bulanan atau sekaligus untuk menyertai Ibadah Qurban

SOALAN – SOALAN LAZIM AKAUN SIMPANAN-i TABUNG QURBAN DAN PROGRAM IBADAH QURBAN 2023

9. Berapakah kos Ibadah Qurban pada tahun ini?

a) Kos Qurban bagi satu bahagian ditentukan oleh Jawatankuasa Qurban pada setiap tahun dan ia bergantung kepada harga pasaran semasa. Harga haiwan qurban 2023:

i) Harga haiwan korban di Semenanjung:

Haiwan Qurban	Harga Qurban
Lembu	RM790 untuk 1 bahagian lembu
Kambing (Australia)	RM850 untuk 1 ekor kambing

ii) Harga haiwan korban di Sabah:

Haiwan Qurban	Harga Qurban
Lembu	RM955 untuk 1 bahagian lembu

iii) Harga haiwan korban di Sarawak:

Haiwan Qurban	Harga Qurban
Lembu	RM1,050 untuk 1 bahagian lembu

b) Harga haiwan qurban adalah termasuk kos penyembelihan, kos pembungkusan, kos agihan dan lain-lain kos yang berkaitan.

c) Tiada sebarang caj tambahan yang akan dikenakan kepada pelanggan

Nota: Ibadah Qurban Bank Rakyat akan dilaksanakan di lokasi penyembelihan yang diluluskan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa. Lokasi Qurban akan dimaklumkan melalui saluran komunikasi Bank.

SOALAN – SOALAN LAZIM AKAUN SIMPANAN-i TABUNG QURBAN DAN PROGRAM IBADAH QURBAN 2023

- 10. Berapakah jumlah kelayakan minimum Akaun Simpanan-i Tabung Qurban bagi membolehkan pelanggan mendaftar untuk melaksanakan Ibadah Qurban bagi tahun 2023?**

Jumlah kelayakan minimum bagi melaksanakan Ibadah Qurban melalui Akaun Simpanan-i Tabung Qurban perlu mempunyai baki akaun melebihi RM850 dan ke atas.

- 11. Bagaimanakah cara sekiranya pelanggan ingin menyertai Ibadah Qurban menerusi Akaun Simpanan-i Tabung Qurban namun baki Akaun Simpanan-i Tabung Qurban tidak mencukupi?**

- Pelanggan perlu memastikan baki akaun mencapai jumlah kelayakan minimum dengan menyimpan secara bulanan atau sekaligus.
- Pelanggan yang telah mencapai jumlah kelayakan minimum di dalam akaun akan menerima notis SMS kelayakan menyertai Ibadah Qurban daripada Bank Rakyat apabila waktu pendaftaran Qurban dibuka.
- Jika pelanggan memberi maklum balas 'YA' bagi menyertai Ibadah Qurban, Pusat Panggilan Bank Rakyat akan menelefon pelanggan untuk membuat pengesahan (akad menerusi telefon) pendebitan akaun pelanggan mengikut harga haiwan korban pilihan pelanggan bagi tahun semasa.

Nota: Pelanggan yang telah memberi maklum balas 'YA' bagi menyertai Ibadah Qurban menerusi notis SMS kelayakan Ibadah Qurban daripada Bank Rakyat tidak perlu lagi mengunjungi cawangan untuk membuat pendaftaran Ibadah Qurban.

- 12. Sekiranya pelanggan mempunyai jumlah Akaun Simpanan-i Tabung Qurban yang mencukupi dan berhasrat ingin membuat qurban lebih dari satu bahagian, adakah pelanggan dibenarkan berbuat demikian? Sekiranya YA, apakah prosedur yang perlu dilakukan?**

- Pelanggan boleh melaksanakan Qurban bagi diri sendiri dan juga keluarga menerusi Akaun Simpanan-i Tabung Qurban dengan memastikan baki akaun adalah mencukupi.

SOALAN – SOALAN LAZIM AKAUN SIMPANAN-i TABUNG QURBAN DAN PROGRAM IBADAH QURBAN 2023

- Sekiranya harga bagi satu bahagian lembu di Semenanjung adalah RM790, dan baki akaun pelanggan adalah sebanyak RM800, maka pelanggan perlu menambah simpanan untuk memastikan ianya mencukupi untuk menyertai Ibadah Qurban bagi diri dan keluarga.
- Pihak cawangan perlu merujuk GPO Simpanan 209: Akaun Simpanan-i Tabung Qurban bagi prosedur Tabung Qurban

13. Pelanggan telah menerima notis SMS kelayakan untuk menyertai Ibadah Qurban daripada Bank Rakyat dan berminat untuk menyertai Ibadah Qurban namun memberikan maklum balas 'TIDAK' / tidak memberikan maklum balas dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Adakah pelanggan masih boleh menyertai Ibadah Qurban Bank Rakyat?

Pelanggan masih boleh menyertai Ibadah Qurban Bank Rakyat dengan menghadirkan diri di mana-mana cawangan Bank Rakyat yang berdekatan untuk membuat pendaftaran Ibadah Qurban sebelum tarikh tutup penyertaan Ibadah Qurban

Pelanggan perlu memastikan baki Akaun Simpanan-i Tabung Qurban adalah mencukupi bagi harga satu bahagian lembu untuk menyertai Ibadah Qurban.

14. Pelanggan telah menerima notis SMS kelayakan untuk menyertai Ibadah Qurban daripada Bank Rakyat dan telah memberikan maklum balas 'YA' untuk penyertaan diri sendiri, namun ingin membuat pendaftaran Ibadah Qurban bagi ahli keluarga. Bagaimanakah cara untuk pelanggan membuat pendaftaran Ibadah Qurban bagi ahli keluarga?

Pelanggan perlu mengunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat berhampiran untuk membuat pendaftaran Ibadah Qurban bagi ahli keluarga sebelum tarikh tutup penyertaan Ibadah Qurban.

Pelanggan perlu memastikan baki Akaun Simpanan-i Tabung Qurban adalah mencukupi bagi harga satu bahagian lembu bagi setiap ahli keluarga untuk penyertaan Ibadah Qurban.

SOALAN – SOALAN LAZIM AKAUN SIMPANAN-i TABUNG QURBAN DAN PROGRAM IBADAH QURBAN 2023

15. Siapakah yang akan melaksanakan Ibadah Qurban pelanggan?

Ahli Jawatankuasa Qurban Bank Rakyat telah bersetuju bahawa pelaksanaan Ibadah Qurban tahun 2023 akan dilaksanakan secara berpusat dan dikendalikan oleh **Surau Al-Barakah Menara Kembar Bank Rakyat**.

16. Bilakah tarikh tutup penyertaan Ibadah Qurban bagi tahun 2023?

Tarikh akhir penyertaan Ibadah Qurban adalah pada **7 Jun 2023**

17. Apakah perbezaan menjalankan Ibadah Qurban melalui Akaun Simpanan-i Tabung Qurban Bank Rakyat berbanding pengendali Qurban di luar?

- Melaksanakan Ibadah Qurban mengikut senarai pelanggan yang menyertai Ibadah Qurban bagi tahun semasa.
- Menyediakan dan memastikan stok haiwan qurban adalah mencukupi, serta mengikut piawaian dan syarat haiwan yang telah ditetapkan oleh hukum Syara'.
- Pemilihan lembu Qurban adalah antara berat 230-260kg/ekor manakala kambing (Australia) adalah antara berat 28-30kg/ekor
- Memastikan setiap sembelihan haiwan qurban yang ditempah oleh Bank Rakyat yang mewakili pelanggan dipantau dan mematuhi Syariah.
- Mengagihkan daging Qurban kepada mereka yang layak.

18. Mengapakah harga haiwan qurban melalui Akaun Simpanan-i Tabung Qurban Bank Rakyat lebih mahal berbanding pengendali Qurban di luar?

Harga qurban yang ditawarkan Bank adalah berpatutan apabila mengambilkira:

- Harga semasa yang ditawarkan oleh pembekal lembu tempatan serta kos pengurusan yang meningkat.
- Pemilihan lembu Qurban adalah antara berat 230-260kg/ekor manakala kambing (Australia) adalah antara berat 28-30kg/ekor
- Pembungkusan daging qurban dilaksanakan secara *vacuum pack*

SOALAN – SOALAN LAZIM AKAUN SIMPANAN-i TABUNG QURBAN DAN PROGRAM IBADAH QURBAN 2023

- Harga adalah termasuk segala kos merangkumi penyembelihan, pemotongan, pembungkusan secara vakum dan juga pengagihan.

19. Adakah pelanggan dibenarkan memilih lokasi Ibadah Qurban selain daripada pilihan yang Bank telah tetapkan?

Tidak, pelanggan hanya dibenarkan memilih lokasi Ibadah Qurban yang telah dinyatakan Bank sahaja.

20. Adakah pelanggan boleh menyertai sesi penyembelihan haiwan qurban tersebut?

Tidak, lembu dan kambing akan disembelih di tempat yang ditentukan oleh pihak yang dilantik oleh operator qurban dalam tempoh 10 – 13 Zulhijjah dan kemudian ianya akan disejuk beku untuk proses selanjutnya.

21. Bagaimanakah cara pengendalian Ibadah Qurban dilaksanakan?

Pengendalian Qurban akan dilaksanakan oleh Surau Al-Barakah mengikut garis panduan/SOP yang dikeluarkan oleh JAKIM/MKN dan mengikut norma baharu iaitu penyembelihan dilaksanakan semasa Hari Tasyrik dan dibungkus secara *vaccum pack* untuk diagihkan. Berikut adalah cara penyembelihan dilaksanakan:

- a) Qurban lembu akan dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia. Tempat penyembelihan qurban lembu akan ditentukan oleh pihak Bank Rakyat
- b) Qurban kambing pula akan dilaksanakan di Australia, di Abattoir (rumah sembelih) yang diiktiraf dan disahkan oleh JAKIM dengan kerjasama pihak yang berpengalaman dan diiktiraf (proses agihan daging pula akan dilaksanakan di Malaysia)
- c) Penyembelihan lembu & kambing qurban akan dilaksanakan dalam tempoh 10-13 Zulhijjah di lading ternakan/pusat sembelihan (Tempatan untuk lembu dan di Australia untuk kambing)
- d) Daging qurban lembu dan kambing akan dipotong dan dipek sebelum proses agihan
- e) Berikut adalah proses penyembelihan kambing (Australia)
 - i. Bilangan kambing ditempah berdasarkan senarai penyertaan qurban
 - ii. Kambing di sembelih pada 10 – 13 Zulhijjah

SOALAN – SOALAN LAZIM AKAUN SIMPANAN-i TABUNG QURBAN DAN PROGRAM IBADAH QURBAN 2023

- iii. Daging qurban disejuk beku untuk dihantar ke Malaysia
- iv. Wakil operator qurban akan menguruskan dokumentasi permit dari:
 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Import Dan Eksport
 - Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)
- v. Penghantaran daging qurban dari Fremantle Port ke Port Klang akan mengambil masa lebih kurang 3 minggu
- vi. Di Port Klang, bungkusan daging qurban yang disejuk beku akan melalui proses pemeriksaan KASTAM dan MAQIS sebelum ianya diserahkan kepada Bank Rakyat
- vii. Bank Rakyat akan mewakili pelanggan yang melaksanakan ibadah qurban untuk mengagihkan daging kepada golongan yang memerlukan.

22. Apakah pengesahan yang akan diterima pelanggan bagi pelaksanaan Ibadah Qurban yang dilakukan?

Pelanggan akan menerima 'Sijil Penyertaan Ibadah Qurban' yang akan dihantar secara pos oleh cawangan atau pengambilan sendiri di cawangan pilihan. Tempoh penghantaran Sijil Penyertaan Ibadah Qurban adalah sekitar 14 – 30 hari selepas tarikh selesai melaksanakan Ibadah Qurban.

Bagi pelanggan yang tidak menerima Sijil Penyertaan Ibadah Qurban pada tahun 2022, pelanggan perlu menghubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat dan memajukan butiran penglibatan Qurban dan alamat emel untuk pihak Bank memajukan Salinan Sijil Penyertaan secara emel atau pengambilan di cawangan.

23. Bagaimana caranya untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkara ini?

Maklumat lanjut, boleh diperoleh seperti berikut:

- a) Hadir ke cawangan Bank Rakyat berhampiran
- b) Layari laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- c) Menghubungi Pusat Panggilan di talian 1300 80 5454